

Pengguna Boros, Peniaga Tamak

Wawancara
Berita Minggu
bersama
Encik Marimuthu Nadason,
Presiden FOMCA



ISBN 983-99757-4-9

Gabungan Persatuan-Persatuan
Pengguna-Pengguna Malaysia (FOMCA)
No. 1D-1, Bangunan SKPPK
Jalan SS9A/17
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

© FOMCA 2005

Cetakan Pertama - Julai 2005

PENGGUNA BOROS, PENIAGA TAMAK

“Pegguna mempunyai hak untuk memilih kedai yang mereka suka. Bagi saya, kalau kedai itu mahal kenapa kita harus ke tempat itu?”

SETIAP kali harga minyak naik kesan yang sudah diduga ialah kenaikan harga barangan makanan, sama ada bahan mentah seperti ikan dan sayur-sayuran atau makanan dan minuman di restoran. Ramai yang mengeluh kerana dengan nilai wang yang sama, barangan yang boleh dibeli semakin berkurangan. Reaksi pengguna yang marah, kecewa dan geram boleh dilihat di sana-sini, apa lagi tambang pengangkutan awam juga turut naik. Ada yang menyalahkan kerajaan dan tidak kurang yang menuding jari ke arah peniaga yang mengambil kesempatan kerana begitu cepat menaikkan harga. Mahu tidak mahu, keadaan ini terpaksa dihadapi pengguna. Apa yang sebenarnya berlaku dan apa yang boleh dibuat oleh pengguna? Ikuti pandangan aktivis pengguna berhubung isu ini. Wartawan Berita Minggu, ZIAUDDIN SHARUDDIN dan A’LAWIYAH RAZALI menemu bual Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), N Marlmuthu, mengupas isu ini.

BERITA MINGGU : *Isu kenaikan harga bukan perkara baru, tetapi setiap kali isu ini meletus, semua pihak baik peniaga mahupun pengguna seperti dilanda ribut. Apa pandangan saudara?*

MARIMUTHU : Pengguna perlu faham Malaysia bukan pengeluar makanan. Ada banyak faktor mempengaruhi isu ini. Bukan hanya faktor dalaman, tetapi faktor luaran. Harga minyak adalah faktor luaran dan bukan hanya Malaysia, seluruh dunia menghadapi masalah kenaikan harga minyak dan barangan. Ini bukan sesuatu yang baru untuk Malaysia. Sekarang apa yang kita kena buat adalah lebih penting.

Sebenarnya, banyak masalah yang berlaku adalah akibat tabiat kita sendiri. Kita selalu makan di luar. Suri rumah tidak suka masak menyebabkan banyak perbelanjaan dihabiskan untuk makan di luar. Masakan yang diproses adalah mahal. Sebagai contoh nasi lemak ada pelbagai harga, RM1, RM2, RM3 dan RM4, bergantung pada jenis lauk yang diambil. Di restoran, kalau ambil ikan, sayur, gulai dan nasi sudah RM3 hingga RM5.

Malaysia adalah antara negara yang mengawal harga barangan, sekali gus memberikan banyak subsidi. Apa yang saya marah ialah kerajaan sejak sekian lama memperuntukkan kira-kira RM300 juta sebulan untuk subsidi minyak. Tetapi rakyat kita menghantar SMS (Sistem Pesanan Ringkas) bernilai RM500 juta hingga RM700 juta sebulan. Apa yang kita hendak bisung?

Dalam hal ini apa yang pengguna perlu lakukan. Adakah perlu mogok dan tak payah ke pasar?

MARIMUTHU : Saya berpendapat kita perlu menukar pola pemakanan. Saya tidak menyuruh orang berpuasa. Paling minimum buat sarapan sendiri di rumah. Kalau tengah hari makan di luar, okay lagi. Tetapi malam pun makan di luar! Kita juga tidak menggunakan sepenuhnya teknologi. Contohnya, kari boleh disimpan dua hari. Kalau pendapatan RM20,000 sebulan, tidak masak itu tidak jadi masalah besar. Tetapi saya cakap mengenai mereka yang berpendapatan RM3,000 ke bawah atau RM5,000 kalau dicampurkan dengan gaji isteri. Majoriti duit kita habis untuk makan. Tak sempat pun nak menabung. Kalau orang kedekut pun, dia akan guna kira-kira RM11 sehari untuk makan. Ini hanya dapat diatasi dengan memasak. Begitu juga dengan penggunaan kad kredit yang melampau, manakala lima hingga 10 peratus pendapatan digunakan untuk membayar bil telefon. Di Jerman, ada rakyatnya miskin kerana menggunakan alat telekomunikasi.

Jadi pengguna perlu dipersalahkan terutama cara mereka berbelanja!

MARIMUTHU : Gaya orang berbelanja sekarang bukan mengikut keperluan, tetapi kerana nafsu. Masyarakat tak mahu mengaku, tetapi menukar gaya hidup adalah pilihan di tangan pengguna. Kalau nak sedih, teruskanlah. Kita tidak boleh dapat makanan murah kerana Malaysia adalah

pengimport bukan pengeluaran makanan.

Faktor luaran seperti tragedi tsunami juga memberi kesan. Kira-kira 70 peratus ikan diimport dari Indonesia dan 12 peratus dari Thailand. Tangkapan dalam negara tidak sampai 12 peratus. Jadi macam mana hendak kawal harga ikan. Subsidi lagi? Siapa hendak beri? Itu belum lagi hampir 38 peratus bijiran dan 80 peratus daging lembu diimport. Ayam cukup, tetapi makanan diimport dari Amerika Syarikat.

Adakah semestinya kenaikan harga minyak menyebabkan kenaikan harga barangan makanan?

MARIMUTHU : Ini reaksi jaringan. Industri makanan mempunyai kesan berkaitan industri lain, terutama pengangkutan. Hampir semua industri memerlukan sektor pengangkutan. Macam mana nak elak?

Tetapi apa yang berlaku ialah kenaikan harga minyak sedikit, tetapi harga barangan makanan naik mendadak?

MARIMUTHU : Ini kerana orang kita sendiri. Peniaga kita, bukan orang luar. Yang curi minyak, orang kita. Yang ambil kesempatan untuk menaikkan harga, orang kita. Ini kerja peniaga kita hingga hari ini. Mereka tidak tahu dan tidak faham di negara ini, peniaga juga mempunyai peranan. Masalah sekarang ialah pengguna. Kerajaan terpaksa buat apa yang perlu dibuat. Pengguna buat apa yang kerajaan buat dari peniaga ambil kesempatan. Kita ada Rukun Niaga dan banyak lagi rukun, tapi mereka masih lagi nak mengaut keuntungan. Ini adalah masalah kerana apabila orang kita sendiri tiada disiplin, apa yang boleh kita buat?

Apa tindakan pengguna terhadap peniaga terbabit?

MARIMUTHU : Pengguna mempunyai hak untuk memilih kedai yang mereka suka. Bagi saya, kalau kedai itu mahal kenapa kita harus ke tempat itu? Suka atau tidak suka, sebenarnya kita perlu berjimat cermat. Misalnya sarapan. Kita boleh lihat pekerja pejabat, hampir semua keluar sarapan. Malulah! Yang sudah kahwin keluar, yang tinggal bersama ibu bapa pun keluar. Mereka tidak bersarapan di rumah.

Kita harus tukar budaya yang dalam keadaan yang tenat ini. Tradisi tidak pernah meruntuhkan kita. Dulu Sabtu dan Ahad kalau masak, seisi keluarga makan. Sekarang tidak lagi begitu.

Dalam sesetengah barangan makanan, pengguna ada pilihan. Tetapi hakikatnya ada yang kita tidak mempunyai pilihan. Bagaimana dalam keadaan begini?

MARIMUTHU : Dalam hal ini, kita tidak boleh buat apa-apa kerana Malaysia adalah pengimport makanan. Kita ada tanah pertanian terbiar antara 800,000 hektar hingga satu juta hektar. Kita perlu mencari jalan memajukan tanah itu. Kita juga perlu ada dasar pertanian negara yang mampan kerana setiap tahun rakyat bertambah.

Apa yang boleh dibuat ialah berpatah balik kepada dasar pertanian lalu. Sebagai contoh pada tahun 1950-an hingga 1970-an, bekalan beras tempatan mencukupi. Tetapi mulai 1980-an bekalan menurun dan sekarang hanya 65 peratus. Baki 35 peratus dibeli dari Amerika Syarikat, India, Thailand dan Vietnam.

Ada banyak cara untuk kita memajukan semula tanah pertanian terbiar dan menggalakkan pelbagai pihak menceburi industri makanan. Ini termasuk memberi insentif dan pinjaman.

Bagaimana pula mahu mengubah mentaliti masyarakat?

MARIMUTHU : Kerajaan perlu melakukan pelbagai perkara, terutama menghapuskan mentaliti subsidi. Kerajaan perlu menunjukkan kepada rakyat untuk menghapuskan subsidi. Semua subsidi yang diberi untuk sektor tertentu perlu ditarik dan diberikan kepada sektor pertanian. Untuk membangunkan sektor pertanian, perancangan juga penting. Kita perlu tahu apa jenis pertanian yang ingin dibuat. Janganlah semua jual jambu, kita hendak jual benda yang sama. Buat benda yang tidak cukup. Kalau swasta, dia hanya ingin mengaut keuntungan, kalau rugi mereka tak nak.

Apakah dengan kenaikan gaji seperti permintaan supaya kakitangan sektor awam diberikan 13 bulan gaji akan membawa sebarang kesan?

MARIMUTHU : Kita boleh naikkan gaji hingga berapa juta pun, tetapi harga tetap akan naik. Apa yang terbaik ialah memastikan makanan dalam negara cukup dan dapat dikawal. Jadi, kerajaan hanya perlu mengawal beberapa barangan makanan yang penting seperti beras, gula, minyak dan susu.

Saya juga berpendapat bahawa untuk kakitangan sektor awam, penurunan kadar faedah untuk pinjaman kenderaan atau rumah adalah lebih berkesan untuk membantu mereka. Katakan penurunan kadar faedah pinjaman kenderaan dari empat peratus kepada tiga peratus, walaupun hanya satu peratus, tetapi perbezaan itu sebenarnya banyak.

Kerajaan juga boleh mengurangkan kadar cukai pendapatan atau memberikan insentif tertentu. Untuk menghadapi kenaikan harga, jawapannya bukan dengan menaikkan gaji.

Bagaimana saudara melihat tindakan penguatkuasaan untuk mengawal kenaikan harga?

MARIMUTHU : Kita boleh kuatkuasakan sesuatu perkara itu hingga kita mati, tetapi tetap ada pihak yang menyeleweng kerana sikap peniaga kita sendiri, bukan orang luar. Peniaga kena jujur.

Mungkin dalam kes pengguna, tekanan hidup boleh mengubah sikap mereka dari segi tabiat berbelanja atau gaya hidup, tetapi bagaimana dengan peniaga?

MARIMUTHU : Sebab itu kerajaan kena serius. Saya minta stesen minyak yang terbabit dalam penyelewengan subsidi diesel, kerajaan terus tarik balik lesen. Jangan lagi bagi amaran, habis cerila! Jangan bagi berniaga langsung dan senarai hitamkan nama peniaga terbabit. Kalau kenakan kompaun, syarikat mengaut keuntungan RM10,000 sehari, tapi kompaun yang dikenakan hanya RM300.

Adakah kerajaan tidak cukup tegas bertindak terhadap peniaga yang mengeksploitasi pengguna?

MARIMUTHU : Kerajaan kena bertindak lebih keras kerana peniaga kita tidak berdisiplin. Etika ada tapi tidak diamalkan. Dari segi undang-undang, sudah banyak yang kita ada. Lagi banyak undang-undang, lagi banyak masalah. Kita cuma perlu tegas. Jangan kompaun, tetapi tarik terus lesen. Mungkin orang kata saya terlalu keras, tetapi kalau sudah diajar begitu, kita harus ikut. Contohnya anak kalau sudah tidak dengar cakap, tamparlah! Tentu dia akan sedar kesilapannya.

Dalam keadaan ini saya mahu kerajaan tunjuk taring. Semua penguat kuasa turun menjalankan operasi untuk sebulan, tengoklah apa terjadi? Tengoklah siapa berani!

Apa pilihan lain untuk selesaikan masalah ini?

MARIMUTHU : Sebab itulah saya cadangkan kembali penubuhan Suruhanjaya Harga yang lebih berkesan untuk mengawal kenaikan harga barangan. Suruhanjaya ini membolehkan masyarakat bersuara untuk membantah cadangan kenaikan harga. Kalau membantah, kena kemukakan apakah alasannya. Amalan ini dilakukan di negara lain dan terbukti keberkesanannya.

Dalam keadaan sekarang, kita hanya tahu apabila harga sudah dinaikkan. Sebab itu apabila berlaku kenaikan harga barangan dan wartawan meminta komen saya, saya cakap mengapa tanya saya? Bukan saya yang menaikkan harga. Kerajaan tidak pernah beritahu persatuan pengguna mengenai kenaikan sesuatu barangan.

Berita Minggu
15 Mei 2005

RUANGAN PUSAT KHIDMAT ADUAN PENGGUNA NASIONAL (NCCC)



No. 1C-1, Bangunan SKPPK,
Jalan SS9A/17,
47300 Petaling Jaya, Selangor
Tel : 03-7877 9000
Faks : 03-7874 8097
Emel : nccc@eraconsumer.org
www.eraconsumer.org

ADIL ● PROFESIONAL ● BERKESAN

8 Hak Asas Kita

- Hak Untuk Mendapat Keselamatan
- Hak Untuk Mendapat Maklumat
- Hak Untuk Mendapat Kemudahan Asas
- Hak Untuk Menyuarakan Pendapat
- Hak Untuk Mendapat Gantirugi
- Hak Untuk Membuat Pilihan
- Hak Untuk Mendapatkan Pendidikan Pengguna
- Hak Untuk Mendapat Alam Sekitar Yang Sihat

Profil FOMCA

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna-Pengguna Malaysia atau nama akronimnya, FOMCA merupakan sebuah organisasi bukan kerajaan yang bergerak secara sukarela dan tidak mencari keuntungan, bebas daripada isu-isu perkauman, keagamaan dan sebarang parti politik. FOMCA telah ditubuhkan pada 10hb Jun 1973 sebagai persatuan gabungan bagi beberapa persatuan-persatuan negeri pada masa itu. Kini FOMCA mempunyai 15 ahli gabungan di seluruh negara.

Objektif FOMCA adalah untuk menguatkan dan mengukuhkan pertubuhan pergerakan pengguna di Malaysia; meneliti isu-isu serta berjuang untuk hak-hak pengguna; berjuang melalui kuasa beli pengguna yang mengikut keperluan untuk pembangunan yang menjamin sosio ekonomi yang adil dan kualiti alam sekitar yang lebih baik; dan mengkoordinasi dan menjadi badan perunding bagi organisasi pengguna di Malaysia.

Untuk mencapai objektif tersebut, FOMCA menjalankan pelbagai program pendidikan kepenggunaan dan menerbitkan risalah untuk kesedaran pengguna; bertindak memberi perlindungan kepada pengguna di semua peringkat; menyebarkan maklumat kepada pengguna; dan mengkoordinasikan tindakan pengguna melalui kempen dan sebagainya.

Falsafah FOMCA adalah untuk mewujudkan suasana dan sifat berdikari di kalangan pengguna, dengan merealisasikan moto “Perlindungan Paling Berkesan Adalah Perlindungan Kendiri.”



Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna-Pengguna Malaysia (FOMCA)

No. 1D-1, Bangunan SKPPK, Jalan SS9A/17,
47300 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel: 03-7876 2009, 7875 6370/62 Faks: 03-7877 1076
Emel: fomca@fomca.org.my atau fomca@po.jaring.my
Laman Web: www.fomca.org.my

ISBN 983-99757-4-9

